



---

---

**TATACARA PEROLEHAN  
UNIVERSITI**

---

---

**BAB 8**

**KONTRAK PUSAT &  
KONTRAK PANEL BERPUSAT**

## **1.0 KONTRAK PUSAT**

- 1.1 Kontrak Pusat diwujudkan oleh Perbendaharaan bagi item barang siap/perkhidmatan guna sama. Bilangan item Kontrak Pusat boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan.
- 1.2 Harga bagi item Kontrak Pusat adalah mengikut harga kontrak yang ditetapkan.
- 1.3 Kaedah pelaksanaan perolehan bagi item Kontrak Pusat adalah seperti berikut:

### **1.3.1 Anggaran Keperluan Bagi Item Kontrak Pusat**

PTj dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pembekalan yang diperlukan. Satu salinan jadual perancangan berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Unit Perolehan, Pejabat Bendahari.

### **1.3.2 Laporan Prestasi Kontraktor**

PTj hendaklah mengemukakan sebarang aduan dengan serta merta jika ada, atau tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh Kontrak tamat kepada Unit Perolehan, Pejabat Bendahari. Universiti tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit akibat kegagalan PTj mematuhi arahan ini.

### **1.3.3 Penggunaan Kontrak**

Semua PTj hendaklah menggunakan Kontrak Pusat sepenuhnya seperti mana Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Naib Canselor dan perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan.

- 1.4 Senarai item di bawah Kontrak Pusat adalah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

## **2.0 KONTRAK PANEL BERPUSAT**

- 2.1 PTJ hendaklah melaksanakan perolehan bagi item Kontrak Panel Berpusat daripada panel pembekal atau kontraktor yang telah dilantik oleh Perbendaharaan. Harga adalah berdasarkan harga tawaran di kalangan panel. Kerajaan boleh menambah bilangan item Kontrak Panel Berpusat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- 2.2 Bagi item-item yang ditetapkan secara kontrak panel dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan, tender hendaklah dipanggil di kalangan kontraktor panel sahaja
- 2.3 Keterangan umum mengenai Kontrak Panel Berpusat adalah seperti berikut:

### **2.3.1 Kajian Pasaran**

Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

### **2.3.2 Kontrak Formal**

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1. Walau bagaimanapun, bagi kontrak bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000.00.

### **2.3.3 Aduan Mengenai Syarikat Panel**

Universiti hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat yang kurang memuaskan kepada pihak Kementerian Kewangan.

### **2.3.4 Perolehan Item Kontrak Panel Daripada Punca Lain**

PTJ hendaklah menggunakan Kontrak Panel sepenuhnya seperti mana Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Naib Canselor dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan.

- 2.4 Senarai item-item dan syarikat-syarikat di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel adalah seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

### **3.0 KAEADAH PEROLEHAN DAN PIHAK BERKUASA MELULUS**

Perolehan bagi item Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat, hendaklah diuruskan oleh PTJ di kalangan syarikat yang disenaraikan dengan mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti berikut :

| <b>Bil.</b> | <b>Had Nilai Perolehan</b>                                                 | <b>Kaedah Perolehan</b>                         | <b>Pihak Berkusa<br/>Melulus (mengikut had<br/>nilai perolehan yang<br/>dibenarkan)</b> |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| a.          | Sehingga RM50,000.00 setahun atau dalam satu kontrak                       | Pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel | Jawatankuasa Sebutharga PTJ                                                             |
| b.          | Melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00 setahun atau dalam satu kontrak | Sebutharga di kalangan syarikat panel           | Jawatankuasa Sebutharga Universiti                                                      |
| c.          | Melebihi RM500,000.00 setahun atau dalam satu kontrak                      | Sebutharga di kalangan syarikat panel           | Lembaga Perolehan Universiti                                                            |

- 4.0 Senarai item-item dan syarikat-syarikat di bawah Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat serta peraturan lain adalah tertakluk kepada pekeliling perbendaharaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.